

BAB 5

PENUTUP

Dari penelitian yang telah dilakukan jelas sekali bahawa Pusat Bahasa, Universiti Malaya dari semenjak penubuhannya pada 5 Mac 1972 hingga ke tarikh bila mana iaanya dipertingkatkan taraf menjadi fakulti bergelar Fakulti Bahasa dan Linguistik pada 14 Julai 1995 telah mengisi satu keperluan Dasar Pelajaran Kebangsaan dan matlamat pendidikan Universiti Malaya.

Perkembangan sosio-politik Malaysia sekitar awal tahun 1970-an memperlihatkan ketegasan dan kesungguhan kerajaan Malaysia dan sambutan golongan rakyat yang prihatin, ke arah mendaulatkan dan memantapkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara Malaysia yang sudah merdeka dari cengkaman penjajah semenjak 31 Ogos 1957. Salah satu langkah ke arah menjadikan bahasa Melayu bahasa kebangsaan ialah dengan memberi nama baru kepadanya. Tun Abdul Razak Hussin yang pada masa yang bersejarah itu bertindak sebagai Pengurus Majlis Gerakan Negara menamakan

bahasa Melayu sebagai Bahasa Malaysia, dengan anggapan dan harapan bahawa kini bahasa itu bukan milik satu golongan etnik sahaja, tetapi milik semua orang yang menggelar dirinya warganegara Malaysia.

Tindakan drastik seterusnya ialah dengan melancarkan sistem pelajaran kebangsaan berdasarkan Dasar Pelajaran Kebangsaan yang sekian lama digubal tetapi seakan-akan terbengkalai. Lantaran itu mulai 1 Januari 1970 semua sekolah rendah aliran Melayu dan Inggeris disatukan, dan bahasa pengantar bagi semua mata pelajaran adalah Bahasa Malaysia. Gerakan ini menular sehingga ke peringkat sekolah menengah, dan juga ke institusi pengajian tinggi khususnya Universiti Malaya, yang merupakan universiti tunggal pada masa itu. Masing-masing menyediakan diri untuk menangani arus perdana baru di mana satu kelaziman akan luput ditelan revolusi nasionalisme bahasa.

Di Universiti Malaya sehingga ke awal 1970-an sebahagian besar kursus dikuliahkan dalam bahasa Inggeris. Pensyarah-pensyarah termasuk yang berketurunan Melayu juga selesa menyampaikan kuliah dalam bahasa Inggeris. Tekanan kepada bahasa Inggeris lebih dirasakan dalam mata pelajaran berasaskan sains

jati termasuklah kejuruteraan, pertanian dan perubatan. Tidak ketinggalan juga dalam bidang ekonomi dan undang-undang.

Demi menyambut seruan kerajaan serta dengan sikap mempamerkan keterbukaan fikiran dalam menghadapi satu anjakan paradigma, Universiti Malaya melancarkan kempen Bahasa Malaysia di kampusnya. Tenaga pengajar khususnya digalakkan supaya meningkatkan kemahiran masing-masing dalam penggunaan Bahasa Malaysia. Seterusnya para pelajar juga yang sebahagian besar melalui sistem pendidikan pasca penjajah perlu pula mengenali, memahirkan diri dan memantap kemampuan dalam Bahasa Malaysia khususnya yang berkaitan dengan bidang pengajian masing-masing.

Di sinilah bermulanya peranan Pusat Bahasa dari segi Bahasa Malaysia. Ianya melatih dan mencanai kemahiran tenaga pengajar, sambil itu pula mengajar mahasiswa dan mahasiswi untuk menguasai Bahasa Malaysia mengikut laras masing-masing. Untuk itu terdapatlah kursus-kursus yang berlandaskan keperluan fakulti, kursus sijil kecekapan, dan kursus intensif.

Secara umum tenaga pengajar yang bertugas di Bahagian Bahasa Malaysia, Pusat Bahasa telah menggunakan pelbagai pendekatan, kaedah dan teknik untuk mencapai matlamat kursus. Ini telah dibincangkan dengan panjang lebar dalam Bab Tiga dan Bab Empat. Bagi setiap kategori kursus, tenaga pengajar bukan sahaja mengambil pendekatan dan menerapkan teknik-teknik tertentu, malah mereka juga telah berusaha menyediakan bahan-bahan pengajaran yang bersesuaian. Mereka juga diperbantukan lagi dengan sokongan dan dorongan dari pejabat Pengarah secara peribadi mahupun sebagai satu institusi.

Kehadiran tenaga pengajar Bahasa Malaysia yang datangnya dari pelbagai latar belakang pengalaman juga telah memperkuuhkan lagi peranan dan keberkesanan bahagian ini. Sekaligus pendekatan pengajaran dipengaruhi dan diwarnai oleh pengalaman yang kaya dan beragam ini. Hasilnya, ribuan pelajar melalui pembelajaran di universiti dengan lebih mudah dan lebih meyakinkan. Tidak kurang pula ramai tenaga pengajar yang sebelumnya tidak mahir, berjaya mencapai kemahiran dalam Bahasa Malaysia. Sambil itu mereka juga berpeluang menikmati pengesahan dalam jawatan dan kenaikan pangkat kerana telah mencapai satu tahap

kecekapan Bahasa Malaysia. Perlu diingatkan bahawa Sijil Kecekapan Bahasa Malaysia (setelah lulus peringkat ketiga kursus tersebut) dan Sijil Intensif Bahasa Malaysia (juga setelah lulus peringkat ketiga kursus) diiktiraf oleh pihak penguasa perjawatan Universiti Malaya sebagai sama tarafnya dengan kelulusan dengan kepujian Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

5.1 Renungan Masa Depan

Pada 15 Julai 1995, bila mana Pusat Bahasa tidak lagi wujud, dan ditempatnya berdiri megah Fakulti Bahasa dan Linguistik, Bahagian Bahasa Malaysia hanya mempunyai 10 orang kakitangan. Lima orang terdiri daripada guru-guru bahasa yang menyertai Pusat Bahasa dalam tahun-tahun awalnya, dan lima orang lagi dari kalangan tenaga muda. Pada tarikh itu kesemua lima orang tenaga lama itu sedang membilang hari untuk bersara. Sudah pula ada usaha mengiklankan jawatan-jawatan yang akan mereka kosongkan.

Dengan kemajuan teknologi serta ledakan era globalisasi yang menjurus kepada komunikasi spontan, pasti sekali pengajaran dan pembelajaran Bahasa

Malaysia atau yang sebenarnya bahasa Melayu akan menghadapi cabaran-cabaran baru. Kecanggihan teknologi juga akan menjanjikan potensi dan peluang kepada pendidik dan penggiat bahasa Melayu (Said Halim, 1996).

Penyiaran satelit dapat membawa masuk bahan pengajaran bahasa yang berbagai dan spontan ke dalam bilik darjah. Ini pasti akan berlaku pada bahasa-bahasa besar dunia seperti bahasa Inggeris, Perancis, Cina, Hindi, dan Arab. Proses separa immersi pasti mudah berlaku dalam kelas bahasa-bahasa ini, kerana dunia kini sudah menjadi "kampung kecil" (Said Halim, 1996).

Sudah tiba masanya semua pendidik, pejuang dan penggiat bahasa Melayu memikirkan pendekatan, kaedah dan teknik pendedahan (bukan sekadar pengajaran lagi) yang boleh dilakukan supaya bahasa yang dituturkan oleh seperlima umat manusia ini berkembang pesat dan dikenali serta dimengertikan oleh seluruh alam jagat maya ini.

5.2 Saranan

Laksana kajian-kajian lain juga, tesis ini bukanlah muktamad. Dalam ruang dan masa yang terhad ini, sekadar inilah dibentangkan satu sorotan peranan dan keberkesanan pengajaran Bahasa Malaysia di Pusat Bahasa, Universiti Malaya. Walaupun kini bergelar fakulti, peranan yang dimainkan selama ini berterusan juga. Cumanya kini pelanggan (yakni pelajar) adalah berbeza. Jumlah kursus dengan matlamat-matlamat yang tersendiri juga kian bertambah. Ini termasuklah kewujudan kursus Diploma Bahasa Malaysia yang tujuannya bukan kepada kemahiran berbahasa tetapi lebih kepada penggunaan Bahasa Malaysia tinggi, indah dan profesional.

Namun, di atas segalanya, bila mana berhadapan dengan isu pengajaran dan pembelajaran, guru dan perancang kursus tidak akan lepas dari memikirkan pendekatan, kaedah dan teknik. Kini hampir semua universiti ghairah dengan pendekatan PJJ (Pendidikan Jarak Jauh) yang menggunakan kaedah telesidang. Pusat Bahasa telah memulakan pendekatan PJJ sendiri pada tahun 1994 dan 1995, iaitu bagi program Sarjana Pengajian Bahasa Moden, dan Diploma Linguistik

Terapan. Kaedah yang digunakan ialah "flying lecturers", yakni menerangkan pensyarah-pensyarah ke pusat-pusat pengajian jarak jauh, khususnya di Nilam Puri, Kelantan dan Kuching, Sarawak.

Pada saat akhir penulisan tesis ini, Universiti Malaya berada di ambang pengkorporatan. Ini adalah sebahagian dari wawasan kerajaan Malaysia dalam menjayakan konsep Pensyarikatan Malaysia (Malaysia, Inc.). Kita ingin lihat sejauh manakah usaha ini memberi kesan kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu yang dikendalikan oleh Universiti Malaya.

Adalah disarankan, pengkaji-pengkaji pada masa hadapan tidak hilang minat terhadap isu bahasa Melayu, baik dari segi bentuknya, pengajarannya, dasarnya, maupun peranannya. Malahan banyak lagi isu lain yang berkait dan dapat dikaitkan dengan bahasa Melayu. Sesungguhnya, inilah salah satu ciri kedaulatan dan keunggulan Malaysia amnya dan rumpun bangsa Melayu khasnya.